

Prosiding Seminar Serantau Pengajian Qira'at (SISPEQ) 2015

22 Disember 2015 / 10 Rabiulawal 1437
Pinzpark Resort Terengganu,
Kuala Terengganu

Anjuran bersama

Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, UKM

Institut al-Quran Terengganu


Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat

Melayu Terengganu

Projek Penyelidikan :

GUP-2014-036

DPP-2015-091



Projek
Penyelidikan :
GUP-2014-036
DPP-2015-091

**Prosiding
Seminar Serantau
Pengajian Qira'at
(SISPEQ) 2015**

22 Disember 2015/ 10 Rabiul Awal 1437H

**Prosiding
Seminar Serantau
Pengajian Qira'at
(SISPEQ) 2015**

Disunting oleh:

**Sabri Mohamad
Latifah Abdul Majid
Mohd Faizulamri Mohd Saad
Nor Syamimi Mohd
Aslam Farah Selamat**

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSSAN MALAYSIA
BANGI 2015
www.ukm.my/fpi

Cetakan Pertama, 2015
© Hak cipta, Fakulti Pengajian Islam, UKM 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 8921 5350/4684 Faks: +603 8925 3902

Diatur huruf di Malaysia oleh
MOHAMMAD IKRAM MOHD NOR
Mohammadikram29@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Prosiding Seminar Serantau Pengajian Qiraat (SISPEQ) 2015
ISBN 978-967-0913-11-7
1. Islamic Studies. I. Judul.

KANDUNGAN

Pengaruh Ilmu Qira'at Dalam Pengajian Islam Dr. Sabri bin Mohamad	1
<i>Qurra'</i> Dan Status Penisbahan <i>Qira'at</i> Dalam Tafsir Al-Nasafi Dr. Mohd Faizulamri bin Mohd Saad, Dr. Sabri bin Mohamad & Prof. Dr. Muhd Najib bin Abdul Kadir	14
Potensi Konsep <i>Mutawatir</i> Dalam Ilmu <i>Qira'at</i> Sebagai Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam Nur Sakiinah Ab Aziz	23
Faktor Aplikasi Sanad dalam Pengajian Qiraat di Darul Quran Singapura (DQS) Sakinah Saptu, Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Dr. Latifah Abdul Majid & Dr. Ahamad Asmadi Sakat	32
Metodologi Qiraat Shaykh Muhammad Amin al-Harariy di dalam Karya Kontemporari: <i>Hadaiq Ar-Rauh wa Ar-Raihan fi Rawabi 'Ulum al-Quran</i> Muhammad Nawaf Azimi & Dr. Mohd Faizulamri Mohd Saad	42
Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran Ashraf bin Ismail, Dr. Ab. Halim Tamuri & Dr. Nurul Huda Hassan	54
Wajah-Wajah Qiraat dalam Tafsir <i>al-Lubab fi 'Ulum al-Kitab</i> : Analisis Terhadap Surah al-Fatihah Mohd Subhi Hussein & Azizul Hassan	60
Metodologi Imam <i>Abu Shamah</i> dalam Kitab " <i>Ibraz al-Ma'ani</i> ": Tinjauan Terhadap <i>Istidrakat</i> ke atas Matan <i>Shatibiyy</i> Azizul Hassan & Mohd Subhi Hussein	68
Pengetahuan Pedagogi Am Ilmu Qiraat dalam Kalangan Guru Qiraat di Malaysia Abdul Jalal bin Abdul Manaf	78
Mushaf Al-Quran serta Hubungannya dengan Tariq al-Syatibiyyah dan al-Jazariyyah Felza Zulhibri Abd Hamid	85
Ijazah Sanad al-Quran; Salah Faham Terhadap Pengertian Syahadah Khas dan Syahadah Am Norazman Alias & Dr. Khairul Anuar Mohamad	93
Pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam Menggunakan Ilmu Qira'at Dr. Shahir Akram Hassan	102
Pendekatan Dakwah terhadap Non Muslim Melalui Pembudayaan Tilawah al-Qur'an Wan Hilmi Wan Abdullah & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani	113

Isu-isu Qiraat Dalam <i>Tafsir al-Qur'an al-Azim</i> Aishah Juri, Dr. Sabri Mohamad & Dr. Haziyah Hussin	123
Strategi Kecemerlangan Maahad Tahfiz Negeri Pahang Dalam Memperkasakan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Di Malaysia Mohd Jamalil Bin Ismail, Dr. Sabri Bin Mohamad & Dr. Tengku Intan Zarina Bt Tengku Puji	132
Pengaplikasian Kaedah Tafsir Al-Qur'an Dengan Qira'at Oleh Muhammad Said Bin Umar Di Dalam Tafsir Nurul Ihsan Mohd Nazri bin Ahmad, Nor Syamimi binti Mohd & Mohd Akil bin Muhamed Ali	143
Sumbangan Qira'at Tafsiriyah Mewujudkan Unifikasi Masyarakat Islam Dr. Afrizal Nur & Mukhlis Lubis	152
Imām Al-Sakhāwi : Tokoh Qirā'āt Farah Mohd Jafar & Dr. Sabri Mohamad	161
Aspek Qira'at Dalam Tafsir Ayat Ahkam Karangan Al-Sabuniy Dan Kaitannya Dengan Hukum Hakam. Dr. Hayati binti Hussin, Dr. Abdul Rahim bin Ahmad, Rohana Zakaria, Aslam Farah Selamat, Dr. Sabri bin Mohamad, & Dr. Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah	167
Tadabbur- Instrumen Utama Ke Arah Mencapai Maqasid Al-Qur'an Rohana Zakaria, Dr. Hayati Hussin, Mohd Nur Adzam Rasdi, Dr Khairul Anuar Mohamad & Aslam Farah Selamat	175
Laman Web Sebagai Alat Bantu Mengajar Pengajian Qira'at Izuli Dzulkifli	181
Naskh Tilawah Menurut Pandangan Islam Liberal Dr. Tengku Intan Zarina bt. Tengku Puji	186
Transformasi Riwayat Fadilat Surah Dari Tafsir Al-Baydawi Ke Dalam Tarjuman Al-Mustafid Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah	191
Pergantian Huruf Dengan Huruf (<i>Al-Ibdal Al-Hurf</i>) Dalam Qira'at ^c abd Allah Bin Mas ^c ud R.A Dr. Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi, Dr. Mohd Abdul Nasir Abdul Latiff & Marjuskai Marjono	204
Khilaf <i>Ibdal Huruf</i> Dalam Qira'at Dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Al-Quran: Analisis Surah Al-Nisa' Ahmad Shahir Masdan & Dr. Sabri Mohamad	210
Faid Al-Barakāt Fi Sab ^c Al-Qira'at, Sumbangan Ulama Nusantara Dalam Qira'at Muhammad Hasan Said Iderus & Mohamad Sabri	221

Kajian Amalan Tilawah Al-Quran Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Mohd Akil bin Muhamed Ali, Mohd Nazri Ahmad, & Ma Raizatulhan binti Ab. Razak	228
Perbezaan Hukum-Hakam Sentuhan Berdasarkan Perbezaan Qira'at - Suatu Analisis Dr. Abdul Rahim Bin Ahmad, & Dr. Hayati Binti Hussin	239
Peranan <i>Al-Qira'at</i> Sebagai <i>Taysir</i> Dan Unsur Perpaduan Umat Islam Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah Dr. Fadlan bin Mohd. Othman, Dr. Mohd. Arif Nazri & Mohammad Ikram Mohd Nor	247
Membaca Al Qur'an Dengan Langgam Jawa (Studi Terhadap Penggunaan Langgam dan Irama Jawa dalam Bacaan al Qur'an di Indonesia) Dr. Khairunnas Jamal, MA	253

Pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam Menggunakan Ilmu Qira'at³⁸

Dr. Shahir Akram Hassan³⁹

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
Tel: 04-653 2661; Faks: 04-653 2124
E-mel: shahirakram@usm.my / shahir_isdev@yahoo.com

ABSTRAK

Dalam mengkaji Islam dan hal ehwal orang Islam, penggunaan Kaedah Penyelidikan Lazim dilihat tidak sesuai. Oleh yang demikian, banyak usaha dilakukan dalam ilmu Sains Kemasyarakatan Islam untuk membina Kaedah Penyelidikan Islam. Kaedah Penyelidikan Islam didefinisikan sebagai kaedah penyelidikan yang menggabungkan ilmu daruri dan dalil 'aqli dan ilmu nazari dan dalil naqli serta menjadikan epistemologi dan tasawur Islam sebagai tunjang utama dalam rangka untuk melaksanakan kajian terhadap Islam dan orang Islam (Mohd Syahmir Alias, 2014). Kaedah Penyelidikan Islam yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini dilihat daripada konteks reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kaedah Penyelidikan Islam yang dibina ini dilihat perlu berteraskan ilmu-ilmu Islam seperti ilmu aqidah, *usul al-fiqh*, *qawa'id fiqhiyyah*, proses penfatwaan, ilmu hadith, dan ilmu-ilmu berteraskan al-Qur'an seperti ilmu tafsir ilmu tajwid, ilmu qiraat dan sebagainya. Persoalannya, apakah ilmu qira'at dapat digunakan dalam pembinaan kaedah penyelidikan berteraskan Islam? Bagaimanakah ilmu qira'at boleh diaplikasikan dalam Kaedah Penyelidikan Islam? Kertas kerja ini bertujuan membincangkan pembinaan kaedah penyelidikan Islam menggunakan ilmu qira'at. Kertas kerja ini akan menjawab persoalan-persoalan sebelum ini melalui dua objektif. Pertama, mengenal pasti kaedah-kaedah utama ilmu qira'at. Kedua, menganalisis penggunaan ilmu qira'at untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan Islam. Kertas kerja ini akan dibuat menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati ilmu qira'at sekurang-kurangnya berpotensi untuk diaplikasikan dalam ketiga-tiga bahagian utama dalam kaedah penyelidikan Islam iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Kata kunci: *Qira'at dan Kemasyarakatan, Ilmu Qira'at, Kaedah Penyelidikan Islam, Sains Kemasyarakatan Islam*

PENGENALAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan pembinaan kaedah penyelidikan Islam menggunakan ilmu Qira'at. Kaedah penyelidikan disini dimaksudkan dengan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kaedah penyelidikan berteraskan Islam merupakan satu kaedah penyelidikan dari perspektif sains kemasyarakatan Islam yang dibina berteraskan ilmu-ilmu *turath* Islam seperti ilmu aqidah, *usul al-fiqh*, *qawa'id fiqhiyyah*, proses penfatwaan, ilmu hadith, dan tidak ketinggalan ilmu-ilmu berteraskan al-

³⁸ Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Serantau Pengajian Qiraat (SISPEQ) 2015*, anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut al-Quran Terengganu (IQT), dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM), pada 22 Disember 2015, di Prinzpark Resort Terengganu, Jalan Sultan Mahmud, Kuala Ibai, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

³⁹ Shahir Akram Hassan ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

Qur'an seperti ilmu tafsir, ilmu tajwid, ilmu qiraat. Ilmu qiraat didefinisikan sebagai mazhab atau kaedah menyebut lafaz Al-Qur'an yang digunakan oleh beberapa imam atau guru Al-Quran yang berbeza antara satu dengan yang lain (Manna' Khalil Al-Qattan, 1998).

Persoalannya, apakah ilmu qira'at dapat digunakan dalam pembinaan kaedah penyelidikan berteraskan Islam? Bagaimanakah ilmu qira'at boleh diaplikasikan dalam Kaedah Penyelidikan Islam? Bagi menjawab persoalan-persoalan sebelum ini, dua objektif ditetapkan. Pertama, mengenal pasti kaedah-kaedah utama ilmu qira'at. Kedua, menganalisis penggunaan ilmu qira'at untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan Islam.

Dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan, kertas kerja ini akan membincangkan sekurang-kurangnya empat perkara. Pertama, Kaedah Penyelidikan Islam. Kedua, Pengenalan Ilmu Qira'at. Ketiga, analisis pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam menggunakan ilmu Qira'at. Keempat, kesimpulan.

KAEDAH PENYELIDIKAN ISLAM

Dalam menjalankan penyelidikan berkenaan Sains Kemasyarakatan, kaedah penyelidikan yang dominan yang diguna pakai kini ialah Kaedah Penyelidikan Lazim. Sesebuah penyelidikan dalam bidang Sains Kemasyarakatan dilihat tidak sempurna melainkan merujuk kepada kaedah penyelidikan lazim seperti karya Neuman (2011), Blaikie (2008 & 2009), Weathington, Cunningham & Pittenger (2010), Ahmad Mahdzan Ayob (2005), Chua Yan Piaw (2006), Yin (2009), Zamaliah Mahmud (2009), Sabitha Marican (2005) dan lain-lain. Karya-karya tersebut merupakan antara rujukan terkini dalam kaedah penyelidikan yang menerangkan cara-cara menjalankan penyelidikan dengan betul. Ticehurst dan Veal (1999) menerangkan penyelidikan dari perspektif Sains Kemasyarakatan dan Pengurusan ialah penyelidikan yang dikendalikan menurut peraturan dan konvensi sains, iaitu mengikut logik dan penilaian sistematik.

Untuk memastikan sesebuah penyelidikan boleh diterima sebagai saintifik, banyak karya dihasilkan untuk membantu dalam memberi kaedah penyelidikan yang sesuai bagi menjalankan penyelidikan antaranya ialah seperti Adler dan Clark (2008), Weathington, Cunningham & Pittenger (2010), Tuckman (1999), Ticehurst dan Veal (1999), Yin (2009), Neuman (2011), Blaikie (2008 & 2009) yang merupakan karya di peringkat antarabangsa mahupun peringkat nasional seperti karya-karya Ahmad Mahdzan Ayob (2005), Sabitha Marican (2005), Chua Yan Piaw (2006), Zamaliah Mahmud (2009), dan Mokhtar Ismail (2011).

Karya-karya tersebut memberi sumbangan yang tersendiri dalam membentuk sebuah penyelidikan yang saintifik dan sistematik. Kesemuanya memberikan panduan sekurang-kurangnya dalam tiga komponen penting dalam kaedah penyelidikan iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis. Ada karya yang memberikan panduan penuh dalam menjalankan dan menulis sesebuah penyelidikan seperti karya Adler dan Clark (2008), Neuman (2011), Blaikie (2009), Ahmad Mahdzan Ayob (2005), Sabitha Marican (2005), dan Chua Yan Piaw (2006). Manakala ada yang menumpukan kepada aspek tertentu dalam penyelidikan seperti Blaikie (2008) dan Mokhtar Ismail (2011) yang menumpukan kaedah menganalisis data kuantitatif. Yin (2009) pula menumpukan kepada kajian yang melibatkan kajian kes. Ada juga karya yang ditulis berdasarkan bidang yang tersendiri seperti karya Weathington, Cunningham & Pittenger (2010), sebuah karya dalam bidang gelagat dan Sains Kemasyarakatan, Ahmad Mahdzan Ayob (2005) karya untuk bidang sosio ekonomi, Tuckman (1999) untuk bidang pendidikan dan Ticehurst dan Veal (1999) merupakan karya kaedah penyelidikan dalam bidang perniagaan.

Namun sebenarnya, kesemua karya tersebut terdiri daripada tiga komponen dalam menjalankan penyelidikan iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Reka bentuk kajian ialah rangka dan struktur penyelidikan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Kaedah Pengumpulan data ialah kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dalam menjalankan kajian. Kaedah pengumpulan data yang tepat adalah penting bagi memastikan hasil kajian yang akan dicapai dapat memenuhi objektif yang ditetapkan. Kaedah penganalisan data pula merupakan kaedah yang digunakan bagi menganalisis data-data yang telah dikumpulkan bagi mencapai tujuan dan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Dalam penyelidikan, reka bentuk kajian adalah penting kerana ia akan memberikan pola dan menentukan kaedah pengumpulan data yang akan digunakan. Kaedah pengumpulan data pula perlu dijelaskan bagi memberi gambaran bagaimana sumber-sumber data dalam kajian diperoleh. Kajian yang mempunyai sumber data yang tepat dan diyakini akan mendorong meningkatkan kebarangkalian dalam menghasilkan keputusan kajian yang tepat. Begitu juga dengan kaedah penganalisan data.

Dengan kaedah analisis data yang tepat, ia membawa kepada sebuah analisis yang baik dalam menjawab persoalan kajian.

Muhammad Syukri Salleh (2008) menyatakan bahawa kaedah penyelidikan lazim tidak sesuai untuk mengkaji sesuatu berkaitan Islam paling kurang kerana tiga sebab. Pertama tasawur dan epistemologinya berbeza dengan Islam. Kedua, alat yang tidak mencukupi untuk memahami realiti sosial dan ketiga, ia boleh membahayakan akidah. Perkara ini disokong oleh Sulaiman Noordin (1992) dan Mustafa Helmi (2005) yang menimbulkan bahawa tamadun Barat memisahkan ilmu dan dogma agama. Oleh yang demikian kaedah penyelidikan lazim menolak konsep tauhid (tasawur Islam) dan tidak menerima wahyu sebagai satu sumber ilmu dalam epistemologi (Sulaiman Noordin (1992). Hanya akal yang menjadi pertimbangan dalam semua perkara dibantu oleh panca indera. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas apabila timbul persoalan tentang asal-usul manusia. Dari mana manusia datang, untuk apa manusia diutuskan dan ke mana manusia kembali (Mustafa Helmi, 2005). Apabila wahyu ditolak, maka kekeliruan akan timbul. Sebarang jawapan yang tidak membawa kepada Allah SWT, akan menjerumuskan kepada atheism. Inilah yang dimaksudkan oleh Muhammad Syukri Salleh (2008) bahawa kaedah penyelidikan lazim boleh membahayakan akidah. Puncanya ialah tidak bertunjangkan kepada tasawur dan epistemologi Islam.

Atas dasar ini, majoriti pemikir Islam seperti Fazlur Rehman Faridi (1999), Irfan Ahmad Khan (1996), Jamil Farooqui (1999), Mohammad Rafiuddin (1996), S.M Yunus Gilani (1996), Sayyid Zainul Abedin (1996), Khalid Yahya Blankinship (1999), Muhammed Mumtaz Ali (2008) Muhammad Syukri Salleh (2008; 2011a), dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002) yang memahami permasalahan kaedah penyelidikan lazim menyeru supaya kaedah penyelidikan Islam dibina.

Oleh sebab itu, dibina kaedah penyelidikan Islam berasaskan ilmu-ilmu Islam yang terdahulu. Kaedah Penyelidikan Islam didefinisikan sebagai kaedah penyelidikan yang menggabungkan ilmu daruri dan dalil 'aqli dan ilmu nazari dan dalil naqli serta menjadikan epistemologi dan tasawur Islam sebagai tunjang utama dalam rangka untuk melaksanakan kajian terhadap Islam dan orang Islam (Mohd Syahmir Alias, 2014)

Namun karya pemikir-pemikir tersebut seperti Fazlur Rehman Faridi (1999), Irfan Ahmad Khan (1996), Jamil Farooqui (1999), Mohammad Rafiuddin (1996), S.M Yunus Gilani (1996), Sayyid Zainul Abedin (1996), Khalid Yahya Blankinship (1999), Muhammed Mumtaz Ali (2008), Muhammad Syukri Salleh (2008, 2011), dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002) hanya membincangkan permasalahan berkenaan falsafah dan tasawur. Sehingga kini, seperti yang telah ditimbulkan oleh Muhammad Syukri Salleh (2008), masih belum banyak karya yang membincangkan aspek teknikal dalam penyelidikan terutamanya reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Sekiranya ada pun ianya masih lagi diperingkat awal dan terpisah-pisah.

Kalau ada pun karya yang cuba mendalami aspek teknikal untuk membina kaedah penyelidikan Islam adalah seperti karya Farid al-'Ansari (2008), Ahmad Sunawari Long (2011), 'Abd al-Wahhab Ibrahim (1993), Louay Safi (1996), Mustafa Helmi (2005), Muhammad Muhammad 'Amziyan (1991), H. Abuddin Nata (2008), Shahir Akram Hassan (2015), Nur Ilani Mat Nawi (2012), Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014) dan Mohd Syahmir Alias (2014).

Ahmad Sunawari Long (2011) dan Farid al-'Ansari (2008) cuba untuk membina kaedah penyelidikan Islam dan memasukkan ilmu-ilmu Islam dalam kaedah penyelidikan. Namun sebagaimana yang telah disebut oleh Muhammad Syukri Salleh (2008), Ahmad Sunawari Long (2011) memasukkan aspek teknikal yang diambil dari Barat dengan berhujahkan bahawa ianya adalah ilmu alat dan tidak bertentangan dengan Islam tanpa menghuraikan aspek tasawur dan epistemologi dengan jelas. Farid al-'Ansari (2008) pula hanya memberi pendapat berkenaan permasalahan berkenaan kaedah penyelidikan dalam Sains Kemasyarakatan dari sudut Islam sahaja. Dari sudut teknikal beliau hanya menyebut langkah-langkah praktikal seperti cara memilih tajuk, membuat jadual penulisan, cara memilih rujukan, cara menulis nota kaki dan seumpamanya.

'Abd al-Wahhab Ibrahim (1993) juga menghasilkan karya seumpama Farid al-'Ansari (2008) dengan menerangkan langkah-langkah praktikal namun pada bahagian kedua buku beliau, 'Abd al-Wahhab Ibrahim (1993) menyenaraikan senarai rujukan-rujukan yang sesuai mengikut bidang dalam pengajian Fiqh Islam seperti rujukan-rujukan dalam Fiqh, Fiqh Perbandingan, Usul Fiqh, Istilah-istilah Fiqh, Kaedah-kaedah Fiqh dan Biografi Ulama-ulama Fiqh.

Hal ini berbeza dengan Louay Safi (1996), Mustafa Helmi (2005) dan Muhammad Muhammad 'Amziyan (1991) yang cuba mencadangkan sesuatu yang baru ke arah perkembangan kaedah penyelidikan Islam. Muhammad Muhammad 'Amziyan (1991) di awal penulisannya mengkritik dan menyatakan kesan negatif kaedah penyelidikan lazim. Yang membezakan beliau dengan penulis lain ialah beliau menyenaraikan tujuh kaedah umum untuk kaedah penyelidikan Islam. Tujuh kaedah umum tersebut ialah pertama, keperluan untuk menetapkan batasan kepada Sains Tabii dan Sains

Kemasyarakatan. Kedua, keperluan meletakkan wahyu sebagai salah satu dari sumber rujukan dan sumber ilmu dan Sains Kemasyarakatan. Ketiga, keperluan untuk tetap berada dalam mazhab Islamiyyah yang bertunjang Tauhid. Keempat, keperluan membebaskan daripada sebarang perbalahan peribadi, kecenderungan pemikiran dan ideologi. Kelima, keperluan untuk iltizam dalam pandangan teori. Keenam, keperluan menetapkan apa yang tetap dan apa yang berubah, dan ketujuh, keperluan mengatasi sebarang penafsiran peribadi dan tetap dalam menerangkan secara menyeluruh.

Louay Safi (1996) pula datang dengan satu percubaan untuk membincangkan dengan lebih mendalam tentang kaedah penyelidikan Islam dalam bidang Sains Kemasyarakatan. Beliau cuba membawa beberapa teknik penyelidikan menurut Islam dalam seperti analisis teks dari sudut bahasa dan Usul Fiqh contohnya *bayan*, kejelasan teks, ungkapan, struktur, terminologi teks dan terminologi wacana, *ta'wil* dan bahasa metafora, *ta'ilil*, penetapan '*illah* dan *ikhtilaf* dan '*ijma*'. Begitu juga pada bab yang ketiga dibawa kaedah-kaedah ilmu Mantik yang sesuai dijadikan kaedah penyelidikan Islam. Beliau menerangkan definisi ilmu, logik, konsep, peraturan membuat definisi, pernyataan, jenis-jenis pernyataan, kategori, pernyataan bersyarat, hujah silogisme, kekeliruan, induksi dan sebahagian besar dari kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. Louay Safi (1996) merupakan pengarang yang paling banyak menyenaraikan teknik-teknik penyelidikan Islam tetapi masih memerlukan penambahan dari aspek teknikal-teknikal lain yang dapat memenuhi keperluan sebuah kaedah penyelidikan dan dari segi penerangan.

Berbeza dengan Louay Safi (1996) yang mencadang dan mengiktiraf mantik sebagai salah satu kaedah untuk penyelidikan Islam, Mustafa Helmi (2005) bermula dengan mengkritik mantik mengikut pandangan Ibn Solah dan Ibn Taymiyyah yang mengharamkan mempelajari mantik. Namun beliau menegaskan bahawa terdapat kaedah yang hampir serupa dengan mantik sebelum datangnya mantik ke Tanah Arab iaitu kaedah Usul Fiqh. Kaedah Usul Fiqh telah wujud secara tidak langsung dalam Fiqh umat Islam sejak zaman Ibn 'Abbas dan Imam al-Syafi'i menjadi penyusun kepada ilmu Usul Fiqh. Apa yang menariknya, selepas itu Mustafa Helmi (2005) meletakkan kaedah ulama dalam empat bidang penting dalam Sains Kemasyarakatan iaitu psikologi, akhlak, kemasyarakatan dan politik. Kesemua kaedah umum itu merungkai persoalan penting dalam setiap bidang tadi. Kaedah itu adalah berdasarkan hanya daripada al-Qur'an dan Hadith. Sebagai contohnya dalam bidang ilmu psikologi, beliau menjawab persoalan asas setiap manusia. Manusia datang dari mana? Untuk apa manusia diciptakan? Dan ke mana manusia pergi selepas mati?

Selain itu, karya H. Abuddin Nata (2008) dilihat cuba memberi satu dimensi baru kepada kaedah penyelidikan Islam. Tajuknya memberi gambaran seperti sebuah buku yang lengkap dalam kaedah penyelidikan Islam. Beliau menggariskan kaedah-kaedah penyelidikan daripada segenap disiplin ilmu dalam Islam bermula kaedah penyelidikan Tafsir, Hadith Falsafah Islam, Ilmu Kalam, Tasawuf, Fiqh, Politik, Sejarah dan Pendidikan Islam. Namun, buku tersebut hanya menggariskan secara ringkas usaha-usaha dan pendekatan ulama-ulama yang terdahulu dalam disiplin-disiplin ilmu Islam yang disebutkan tadi.

Selain daripada karya-karya yang sedia ada, terdapat usaha secara komprehensif yang cuba dijalankan oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia untuk membina Kaedah Penyelidikan Islam yang diwar-warkan. Perkara ini dapat dibuktikan dengan kajian-kajian yang dijalankan oleh Shahir Akram Hassan (2010), Nur Ilani Mat Nawi (2012), Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014), Shahir Akram Hassan, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) Mohd Syahmir Alias (2014) dan Nor Hanani Ismail (2015). Kajian-kajian tersebut merupakan antara contoh usaha membina kaedah penyelidikan Islam daripada ilmu Islam, walau pun ia dilihat dikaji secara terpisah. Maksud terpisah di sini ialah kajian-kajian ini hanya membincangkan sebahagian daripada komponen tertentu daripada kaedah penyelidikan Islam yang tiga tadi iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

Dari sudut reka bentuk kajian Nur Ilani Mat Nawi (2012) dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) cuba mengkaji apakah yang boleh membentuk reka bentuk kajian berdasarkan ilmu-ilmu yang sedia ada dalam Islam. Nur Ilani Mat Nawi (2012) mencadangkan algebra diaplikasi dalam penyelidikan berteraskan Islam. Menurut beliau, algebra ini merupakan kelompokan rumus algebra yang dicipta oleh ulama Islam yang bernama al-Khawarizmi. Ia didapati sesuai digunakan untuk menyelesaikan permasalahan perkiraan dalam Islam terutamanya berkenaan perkiraan harta pusaka. Kajian ini juga mendapati algebra menepati tasawur dan epistemologi Islam dan sesuai digunakan untuk kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kajian Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) pula cuba mencadangkan aplikasi proses penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Islam. Antara perbincangan beliau adalah untuk mengaplikasikan proses penfatwaan yang empat iaitu *taswir*, *takyif*, *ta'sil* dan *al-hukm* dalam membentuk satu reka bentuk kajian yang berasaskan proses penfatwaan terutamanya jika sesuatu kajian itu melibatkan hukum.

Dari sudut kaedah pengumpulan data, sekurang-kurangnya dua kajian telah siap dijalankan. Namun kedua-duanya berasaskan kepada kaedah pengumpulan hadith. Kajian Shahir Akram Hassan (2010) mencadangkan kaedah pengumpulan Hadith diaplikasi dalam kaedah pengumpulan data ketika menjalankan penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam dan kajian Nor Hanani Ismail pula lebih menumpukan kepada kaedah kesahan dan kebolehpercayaan data menggunakan kaedah *Naqd al-Hadith*.

Bagi kaedah penganalisan data pula, sekurang-kurangnya kajian Shahir Akram Hassan (2014) dan Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014) telah berjaya disiapkan. Kajian Shahir Akram Hassan (2014) cuba mengaplikasi kaedah penaakulan mantik dalam kaedah penyelidikan Islam. Sekurang-kurangnya terdapat lima kaedah penaakulan mantik yang dapat diaplikasi secara langsung dalam menjalankan kajian iaitu, pertama, kaedah menggambarkan sesuatu melalui '*alfaz, mafahum* dan *masadaq*. Kedua, kaedah mendapatkan gambaran menyeluruh melalui *nisbah*. Ketiga, kaedah pendefinisian menurut ilmu mantik. Keempat, kaedah membina kenyataan dan proposisi yang benar melalui *tasdiq*. Kelima, kaedah menilai kenyataan dan proposisi yang benar atau salah melalui *taqabal* dan '*akas*. Mohd Syahmi Mohd Miswan pula mengkaji penggunaan *dilalah* sebagai satu kaedah dalam menganalisis data, terutamanya analisis ke atas teks. Beliau membincangkan bagaimana hendak menganalisis teks dalam menjalankan penyelidikan berkaitan Islam menggunakan ilmu *dilalah* daripada ilmu usul fiqh. Jika dilihat, kedua-dua kajian ini cuba meneroka kaedah penganalisan data daripada ilmu-ilmu yang telah ada dalam Islam.

Walau pun penumpuan diberikan kepada tiga komponen utama dalam menjalankan penyelidikan iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data, kajian pada peringkat tasawur kajian tidak diabaikan. Misalnya Mohd Syahmir Alias (2014) cuba merungkai konsep saintifik dalam penyelidikan berkaitan Islam berdasarkan hasil kerja saintis Islam Ibn al-Haytham melalui kitabnya *al-Manazir*. Beliau berjaya menemukan konsep saintifik Ibn al-haytham yang selaras dengan kehendak Islam dari sudut epistemologi, tasawur, peralatan analisis, ontologi dan matlamat.

Daripada kajian-kajian terdahulu, walaupun dapat dilihat giat usaha dijalankan bagi membina Kaedah Penyelidikan Islam, namun setakat ini, masih tiada kajian yang cuba menggunakan ilmu qira'at dalam membina Kaedah Penyelidikan Islam tersebut. Sebelum perbincangan dengan lebih mendalam berkenaan perbinaan kaedah penyelidikan Islam menggunakan ilmu qira'at adalah lebih sesuai sekiranya dibincangkan pengenalan ilmu qira'at. Perbincangan mengenai pengenalan ilmu qira'at akan dapat memberi platform yang lebih jelas antara pembinaan kaedah penyelidikan Islam dan ilmu qira'at.

PENGENALAN ILMU QIRAAT

Ilmu qira'at merupakan salah satu daripada ilmu yang terdapat di dalam ulum al-Qur'an. Ilmu Qira'at membicarakan cara-cara bacaan al-Qur'an menurut imam-imam qira'at. Ilmu qira'at juga menjelaskan cara bacaan yang diamalkan pada hari ini iaitu menurut riwayat *Hafs* daripada Imam 'Asim. Secara definisinya ilmu qira'at ialah *mazhab* atau kaedah menyebut lafaz Al-Qur'an yang digunakan oleh beberapa imam atau guru Al-Quran yang berbeza antara satu dengan yang lain" (Manna' Khalil Al-Qattan, 1998). Dalam kata lain, ilmu tajwid yang dipelajari selama ini jug merupakan sebahagian daripada ilmu qira'at.

Perbincangan berkenaan ilmu qira'at bertitik-tolak daripada hadith berkenaan al-Qur'an diturunkan dengan *sab'atu ahruf*. (Manna' Khalil Al-Qattan, 1998) telah mengumpulkan pendapat ulama berkenaan apakah yang dimaksudkan dengan *sab'atu ahruf*. Sekurang-kurangnya terdapat lima pendapat ulama berkenaan apakah yang dimaksudkan dalam hadith dengan *sab'atu ahruf*. Pertama, pendapat yang menafsirkan sab'ah ahurf dengan tujuh bahasa (dialek) bagi tujuh kabilah bangsa Arab. Sebagian ayat Al-Quran turun dalam bahasa Quraisy, sebagian yang lain dengan bahasa Tamim, bahasa Huzail, bahasa Azd, bahasa Rabi'ah, bahasa Hawazin, dan bahasa Sa'd Ibn Bakr. Namun mereka juga berbeza pendapat dalam menentukan ketujuh bahasa tersebut. Kedua, pendapat yang mengatakan tujuh huruf adalah tujuh macam bahasa dari bahasa-bahasa Arab dengan mana Qur'an diturunkan, dengan catatan bahawa kata-kata dalam al-Qur'an secara keseluruhan tidak keluar dari ketujuh macam bahasa tadi, yaitu bahasa paling fasih di kalangan Arab, meskipun sebagian besarnya dalam bahasa Quraisy. Adapun bahasa yang lain yang digunakan adalah bahasa Huzail, Saqif, Hawazin, Kinanah, Tamim, atau Yaman; maka secara keseluruhan Qur'an mencakup ketujuh bahasa tersebut.

Ketiga, sebahagian daripada ulama menyatakan dengan tujuh huruf adalah tujuh wajah, iaitu '*amr* (perintah), *nahyu* (larangan), *wa'd* (janji), *wa'id* (ancaman), *jadal* (perdebatan), *qasas* (cerita), dan *matal* (perumpamaan) atau '*amr, nahyu, halal, haram, muhkam, mutasyabih, dan amthal*. Keempat, *sab'ah ahruf* ialah tujuh bentuk perubahan dalam al-Qur'an; Pertama, *ikhtilaf al-*

asma' (perbezaan kata benda); Kedua, perbezaan dari aspek *I'rab* (*harakat* akhir kata); Ketiga, perbezaan dalam *tashrif*; Keempat, perbezaan dalam *Taqdim* (mendahulukan) dan *ta'khir* (mengakhirkkan); Kelima, perbezaan dari segi *ibdal* (penggantian) baik penggantian huruf dengan huruf, atau pun lafaz dengan lafaz; Keenam, perbezaan kerana ada penambahan dan pengurangan; Ketujuh, perbezaan *lahjah* seperti bacaan *tafkhim* (menebalkan) dan *tarqiq* (menipiskan), *fatah* dan *imalah*, *izhar* dan *idgham*, *hamzah* dan *tashil*, *isymam*, dan lain-lain. Kelima, pendapat yang menyatakan *sab'atu ahruf* ialah qira'at tujuh. Walaupun Manna Khalil Qattan (1998) mentarjihkan pandangan pertama, kertas kerja ini tidak berhasrat mentarjihkan mana-mana pendapat dalam kertas kerja ini memandangkan kertas kerja ini ingin memanfaatkan sebanyak mungkin perbincangan berkenaan qira'at dan memanfaatkannya dalam pembinaan kaedah penyelidikan Islam.

Selain daripada perbincangan berkenaan *sab'atu ahruf*, ulama qira'at juga telah menetapkan syarat sesuatu riwayat itu diterima sebagai qira'at yang sahih. Syarat-syarat ini juga dikenali sebagai rukun qira'at. Sekurang-kurangnya terdapat tiga rukun qira'at. Pertama, qira'at itu mestilah tidak bercanggah dengan bahasa Arab. Kedua, qira'at itu mestilah tidak bercanggah dengan resam 'uthmani. Ketiga, sanad qira'at itu mestilah mutawatir iaitu rawi yang meriwayatkan qira'at tersebut satu jamaah yang ramai dimana mustahil mereka itu berpakat dalam melakukan penipuan (Manna Khalil Qattan, 1998). Hasil dari perbincangan berkenaan *sab'atu ahruf* dan rukun qira'at inilah kemudiannya membentuk satu disiplin ilmu yang bernama ilmu qira'at.

Jika dilihat kepada penulisan ulama terdahulu, ilmu qira'at terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, Ilmu qira'at *dirayah*. Kedua, ilmu qira'at *riwayah*. Ilmu qira'at *dirayah* lebih menjurus kepada penjelasan definisi-definisi yang terdapat dalam ilmu qira'at seperti definisi qira'at dan ilmu qira'at, definisi *qari'* dan *muqri'*, definisi riwayat, *turuq* dan sebagainya. Ilmu qira'at *dirayah* juga membahaskan sejarah perkembangan ilmu qira'at, rukun dan syarat sah qira'at, dalil-dalil yang menjelaskan kewujudan ilmu qira'at, pengenalan terhadap imam-imam qira'at *mutawatirah*, *masyhurah* dan *syazzah* dan lain-lain.

Ilmu qira'at *riwayah* pula lebih menjurus kepada penerangan terhadap perbezaan bacaan yang terdapat di dalam al-Qur'an. Melalui ilmu ini, dapat diketahui terdapat pelbagai bacaan yang berbeza dengan bacaan yang umum praktikkan selama ini. Perbezaan bacaan ini pula terdiri kepada dua jenis. Pertama, *usul al-qira'at* dan kedua, *Farsh al-huruf*. *Usul al-qira'at* ialah cara bacaan khusus bagi imam-imam qira'at yang dibaca dengan kaedah tertentu pada tempat bacaan yang sama secara tetap. Sebagai contoh, terdapat riwayat yang membaca *Mad Jaiz Munfasil* dengan kadar dua harakat (secara *qasar*). Bacaan dengan riwayat ini akan menetapkan bacaan dengan kadar dua harakat sahaja setiap kali membaca *Mad Jaiz Munfasil* pada keseluruhan tempat di dalam al-Qur'an. Begitulah juga seterusnya sekiranya ada riwayat yang membaca dengan kadar enam harakat (secara *ishba'*) pada *Mad Wajib Muttasil*, maka riwayat ini akan sentiasa membaca dengan kadar enam harakat setiap kali bertemu dengan *Mad Wajib Muttasil* (Sayyid Lashin Abu al-Farah & Khalid Muhammad, 2003)

Farsh al-Huruf pula merupakan perubahan bacaan yang berlaku pada kalimah-kalimah yang khusus sahaja. Contohnya bacaan pada kalimah 'maliki' di dalam Surah al-Fatihah, terdapat riwayat yang membaca pada suku kata 'ma' dengan kadar satu harakat iaitu 'maliki'. Manakala terdapat pula riwayat lain yang membaca suku kata tersebut dengan kadar dua harakat iaitu 'maaliki'. Namun ia bukanlah suatu yang tetap di mana suatu riwayat itu mesti membaca dengan kadar yang sama setiap kali bertemu dengan kalimah 'maliki' di dalam al-Quran. Contohnya dalam bacaan kita di dalam Surah al-Nas pada kalimah 'malikinnas'. Kita membaca suku kata 'ma' dengan kadar satu harakat sahaja, bukan dengan kadar dua harakat (Sayyid Lashin Abu al-Farah & Khalid Muhammad, 2003).

Sekurang-kurangnya terdapat dua kitab asas untuk ilmu qira'at iaitu pertama, matan al-Syatibi. Kedua, matan al-Jazari. Matan al-Syatibi dikarang oleh Imam al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai imam al-Syatibi yang memasukkan tujuh riwayat qira'at *mutawatirah*. Matan al-Jazari pula dikarang oleh Imam Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Yusuf atau lebih dikenali sebagai Imam al-Jazari. Antara kitab-kitab yang menjadi sumber dalam menulis matan beliau ini ialah kitab *Taisir*, kitab *Nasyrul Asyri* dan kitab *Toyyibah*.

Ringkasnya, paling kurang, ilmu qira'at boleh dikatakan mempunyai lima komponen. Pertama, ilmu *usul al-qira'at*. Kedua, *farsh al-huruf*. Ketiga, *talaqqi*. Keempat *tarikh al-qurra* dan kelima, penulisan tentang ilmu *qira'at* sama ada matan atau syarh. Kelima-lima komponen ini telah digunakan secara meluas oleh ulama sejak dahulu lagi. Berdasarkan lima komponen inilah akan dibincangkan secara mendalam pada perbincangan seterusnya berkenaan analisis pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam menggunakan ilmu qira'at.

ANALISIS PEMBINAAN KAEDAH PENYELIDIKAN ISLAM MENGGUNAKAN ILMU QIRAAT

Seperti yang telah dibincangkan pada peringkat awal kertas kerja ini, dalam pembinaan kaedah penyelidikan Islam, sekurang-kurangnya terdapat tiga komponen penting iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Dalam ilmu qira'at pula, paling kurang, terdapat lima komponen. Pertama, ilmu *usul al-qira'at*. Kedua, *farsh al-huruf*. Ketiga, *talaqqi*. Keempat *tarikh al-qurra* dan kelima, penulisan tentang ilmu *qira'at*. Pada bahagian ini, akan dianalisis, bagaimanakah lima komponen ilmu qira'at dan digunakan sebaiknya dalam pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam.

Dari sudut reka bentuk, dalam menjalankan penyelidikan. Tidak banyak yang dapat diambil daripada ilmu qiraat melainkan penerapan kaedah talaqqi. Talaqqi bermaksud pelajar bersemuka atau berhadapan dengan guru. Talaqqi juga boleh dikenali sebagai *musyafahah*. *Musyafahah* pula bermakna dari mulut ke mulut. Pelajar belajar al-Qur'an dengan memerhati gerak bibir guru untuk mendapatkan sebutan makhrāj yang betul. Jika diperhatikan, perkara-perkara yang utama dalam Islam seperti al-Qur'an dan hadith, kedua-duanya diperturunkan melalui kaedah talaqqi. Para ulama al-Qur'an dan hadith sehingga kini masih menjalankan proses talaqqi, musyafahah dengan bersemuka atau berhadapan dengan guru-guru. Hasilnya susunan sanad, keaslian ilmu dan kefahaman yang betul dapat dikekalkan. Perkara ini merupakan satu kekuatan dalam ilmu Islam terutamanya ilmu qira'at yang tidak dapat dinafikan. Ilmu qira'at bukan sahaja membuktikan yang mushafnya terpelihara, susunan ayatnya terpelihara, cara bacaannya terpelihara, malah kaedah pengajaran dan pembelajarannya juga terpelihara sebagaimana golongan sebelumnya mengambil daripada guru-guru mereka.

Dari sudut kaedah pengumpulan data pula, kaedah yang digunakan dalam ilmu qira'at dilihat amat mirip kepada kaedah pengumpulan hadith. Shahir Akram Hassan (2010) telah mencadangkan kaedah pengumpulan data menurut kaedah pengumpulan hadith. Secara ringkasnya kaedah pengumpulan data *Hadith* adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai tahap ketulenan yang tinggi. Hasil dari ketelitian kaedah pengumpulan data dari *Hadith* ini, data yang dikumpulkan amat terjaga. Proses pengumpulan data menurut kaedah pengumpulan data *Hadith* mempunyai tiga tahap. Pertama, sebelum mengumpul data, kedua semasa mengumpul data. Ketiga, selepas mengumpul data.

Sebelum mengumpul data, terdapat tiga perkara yang perlu diambil kira. Pertama keutamaan data primer ke atas data sekunder. Seboleh yang mungkin, penyelidik perlu berusaha untuk mendapatkan data primer kerana ia merupakan data yang paling utama menurut kaedah pengumpulan *Hadith*. Kedua, instrumen pengumpulan data. Terdapat sekurang-kurangnya talaqqi dan *al-Musyafahah*. Perkara ketiga yang perlu diambil kira sebelum mengumpul data menurut kaedah pengumpulan data *Hadith* ialah akhlak penyelidik. Penyelidik perlu berakhlak dengan akhlak Islam sepanjang masa. Oleh yang demikian, penyelidik bukan sahaja perlu mengekalkan akhlak sebelum mengumpul data tetapi harus mengekalkannya sepanjang dua tahap lagi iaitu semasa mengumpul data dan selepas mengumpul data.

Semasa mengumpul data, terdapat tiga perkara yang perlu diambil kira tidak termasuk dengan akhlak penyelidik. Tiga perkara tersebut ialah pertama, memastikan sanad, kedua, memastikan kualiti responden dan ketiga, penggunaan bahasa yang tepat. Sanad perlu didapatkan dan apabila melaporkan, perlu menonjolkan sanad tersebut. Selain itu, penggunaan bahasa harus teliti dan tepat kerana setiap patah akan diambil kira dan membawa maksudnya yang tersendiri. Memilih responden yang berkualiti pula adalah satu perkara yang paling kritikal dan perlu diberi perhatian. Sekiranya responden tidak berkualiti, maka hasil dapatan pengumpulan data tersebut boleh dipertikai dan implikasinya dapatan kajian tersebut tidak dapat digunakan untuk implikasi hukum.

Selepas mengumpul data, ada dua perkara yang perlu diambil kira. Pertama melakukan pra-analisis ke atas data yang dikumpulkan. Mana-mana data yang diragui atau bertentangan dengan al-Quran, al-*Hadith*, *Ijma'* dan Qiyas perlu dianalisis. Kedua, penyelidik perlu memilih bentuk output kepada data yang dikumpulkan. Sekiranya ingin menghafaz data yang dikumpul, penyelidik perlu mempunyai kualiti *dabit* yang diperlukan. Sekiranya tidak mampu, gunakan *dabit kitabiy* sebagai alternatif yang lebih selamat. Hal ini menjadi lebih mudah kerana kaedah pengumpulan hadith menerima inovasi dan kemajuan sains dengan bentuk-bentuk lain seperti penggunaan perakam audio, komputer, internet dan lain-lain. Kaedah tersebut juga dilihat boleh diperkuatkan lagi dengan kaedah-kaedah yang ada dalam ilmu qira'at.

Satu lagi yang boleh diambil kira dalam kaedah pengumpulan data ialah penggunaan konsep *mutawatir* dalam pengkelasan qira'at. Sekiranya dalam bidang qira'at, sesuatu qira'at dikelaskan kepada *mutawatirah*, *masyhurah* dan *syazzah*. kenapakah tidak, dalam proses pengumpulan data,

dikelaskan data yang telah dikumpulkan melalui kaedah yang dicadangkan di atas kepada *mutawatirah*, *masyhurah* dan *syazzah* sebagai tanda kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpulkan. Dalam kaedah penyelidikan lazim disebut sebagai kesahan data (*validity*) dan kebolehpercayaan data (*reliability*).

Dari sudut kaedah penganalisan data pula, kebiasaannya sesuatu kajian digunakan sama ada kaedah analisis kandungan atau analisis tekstual (Balaikie, 2009; Neuman, 2011). Walau bagaimanapun, perbezaan kaedah-kaedah ini sekadar membincangkan sama ada sesuatu data itu boleh dianalisis menurut apa yang dapat difahami daripada teks atau kontekstual. Sedangkan, jika dilihat kembali antara pendapat ketiga dan keempat ulama berkenaan *sab'atu ahruf*, analisis boleh diuraikan sama ada dari sudut tekstual atau kontekstual dengan lebih mendalam. Analisis, penerangan dan penjelasan dapat diberikan menggunakan istilah *'amr* (perintah), *nahyu* (larangan), *wa'd* (janji), *wa'id* (ancaman), *judal* (perdebatan), *qasas* (cerita), dan *mathal* (perumpamaan) atau *'amr*, *nahyu*, *halal*, *haram*, *muhkam*, *mutasyabih*, dan *amthal*. Atau pun melihat data yang telah dikumpul dari tujuh bentuk perubahan seperti *ikhtilaf al-asma'* (perbezaan kata benda), perbezaan dari aspek *I'rab* (*harakat* akhir kata), perbezaan dalam *tashrif*, perbezaan dalam *taqdim* (mendahulukan) dan *ta'khir* (mengakhirkan), perbezaan dari segi *ibdal* (penggantian) baik penggantian huruf dengan huruf, atau pun lafaz dengan lafaz, perbezaan kerana ada penambahan dan pengurangan dan mungkin juga perbezaan *lahjah* seperti bacaan *tafkhim* (menebalkan) dan *tarqiq* (menipiskan), *fatah* dan *imalah*, *izhar* dan *idgham*, *hamzah* dan *tashil*, *isymam*, dan lain-lain. Walau pun asasnya adalah Bahasa Arab, namun bahasa lain tidak terkecuali dari menggunakan kaedah yang sama, atau pun hampir-hampir sama.

Selain daripada kerangka tiga komponen reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data dalam kaedah Penyelidikan Islam, ilmu qira'at juga meletakkan satu tanda aras berkenaan kajian-kajian berkenaan tarikh al-Qurra dan kaedah penulisan kitab-kitab. Walau pun kini tiada yang bercakap mengenai tarikh atau biografi penyelidik-penyelidik Islam, namun tidak dapat dinafikan yang keyakinan terhadap Qira'at al-Qur'an kini kerana jelasnya tentang perawi-perawi atau al-qurra dalam ilmu qira'at. Kenapa tidak dalam membina kaedah penyelidikan Islam, dikumpulkan juga biografi-biografi penyelidik-penyelidik Islam kini. Begitu juga kekuatan ulama terdahulu mengumpulkan ilmu qira'at yang agak rumit dalam bentuk matan. Kemudian matan-matan ini disyarahkan dan dipermudahkan perbincangannya dalam kitab-kitab *syarah*. Walau pun perkembangan ilmu dan teknologi kini agak sedikit berbeza, namun ada baiknya juga jika satu hari nanti, apabila kaedah penyelidikan Islam telah sempurna dibina, ditulis kembali intipatinya dan bentuk matan dan disyarah kemudiannya dalam bentuk kitab-kitab *syarah*.

Hasilnya, *ilmu qira'at* yang telah digunakan secara meluas oleh ulama sejak dahulu lagi. Perkaranilah yang cuba dianalisis dan diperkenal untuk digunakan sebagai satu strategi dalam menjalankan penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan empat perkara. Pertama, ilmu qira'at merupakan satu ilmu Islam yang mempunyai nilai keaslian yang tinggi dan kaedah-kaedah yang mendalam. Kedua, terdapat usaha yang giat dijalankan bagi membina satu kaedah penyelidikan yang bertaskan ilmu-ilmu Islam yang dinamakan Kaedah Penyelidikan Islam. Ketiga, ilmu qira'at didapati mempunyai kaedah-kaedah yang kuat seperti talaqqi, kaedah penulisan kitab, tarikh al-qurra, . Keempat, kaedah-kaedah dalam ilmu qira'at dilihat boleh digunakan dalam membina Kaedah Penyelidikan Islam sama ada dalam reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Kesimpulannya, ilmu qira'at dilihat dapat menyumbang dan digunakan dalam pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam. Ilmu qira'at bukan sahaja ilmu yang menjaga keaslian al-Qur'an, malah dilihat mampu menjaga isi kandungannya serta dapat dimanfaatkan sebagai salah satu kaedah mencari pengetahuan dalam Islam dan umat Islam.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk *Seni Penaakulan dalam Kaedah Penyelidikan Islam* dan telah dibiayai oleh Geran *Research University Individual* (RUI), Universiti Sains Malaysia (2012–2015) [(RUI)1001/CISDEV/816207].

BIBLIOGRAFI

- Al-Quranul Karim.
- 'Abd al-Fattah al-Qadi. (2002). *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-'Ashr al-Mutawatirah*. Algeria: Maktabah Anas bin Malik.
- 'Abd al-Wahhab Ibrahim. (1993). *Kitabat al-Bahth al-'Ilmi Wa Masadir al-Dirasat al-Fiqhiyyah*. Jeddah: *Dar al-Shuruq*.
- 'Abd al-Latif Muhammad al-'Abd (1978). *Manahij al-Bahth al-'Ilmi*. Kaherah: *Maktabat al-Nahdat al-Misriyyah*.
- Abi 'Amru 'Uthman Sa'id al-Dani. (1930). *Al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab'*. Istanbul: Matba'ah al-Daulah.
- 'Ali Muhammad al-Dabba'. (1999). *Al-Idaat fi Bayan Usul al-Qira'at*. Kaherah: Maktabah Al-Azhariyyah Li al-Turath.
- Adler, E. S. & Clark. R. (2008). *How It's Done: An Invitation to Social Research*. Belmont: Thomson Wadsworth.
- Ahmad Damanhuri. (2006). *'Idah al-Mubham Fi al-Ma'ani al-Sullam*. Beirut: *Maktabat al-Ma'arif*.
- Ahmad ibn al-Jazari. (2000). *Syarh Toyiybah al-Nashr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sunawari Long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Babbie, Earl. (2013). *The Practice of Social Research*. Kanada: Wadsworth, Cengage Learning.
- Bacon, Francis. (1955). *Novum Organum Scientiarum*. New York: P. F. Collier and Son.
- Baharudin Ahmad (2008a). "Ilmu Tradisional: Pencarian Moden", dlm. Baharudin Ahmad, (Ed.). *Agama dan Sains Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Berg, Bruce L. & Lune, Howard. (2012). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. New Jersey: Pearson.
- Bickerstaff, Susan & Monroe-Ellis, Mary (2012). "Adoption and Adaptation: A Framework for Instructional Reform", *Inside Out*, Jld. 1, No. 2, hlm. 1-4.
- Blaikie, Norman. (2008). *Analyzing Quantitative Data*. London: Sage Publication Ltd.
- Blaikie, Norman. (2009). *Designing Social Research*. Cambridge: Polity Press.
- Bloom, B. S. (1956) . *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals*. New York: David McKay Co. Inc.
- Brickell, G. J., Ferry, B. & Harper, B. (2002). "Developing informal reasoning skills in ill-structured environments: A case study into problem-solving strategies." dalam *Proceedings from the 19th Annual Conference of the Australasia Society for Computers in Learning in Tertiary Education (ASCILITE)*. Auckland, New Zealand: UNITEC, Institute of Technology.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Copi, Irving M.. (1982). *Introduction of Logic*. New York: McMillan Publishing.
- Fairclough. Norman. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for Social Science*. New York: Routledge.
- Farid al-'Ansari. (2008). *Abjadiyyat al-Bahth Fi 'Ulum al-Shar'iyah*. Amman: *Dar al-Hamid*.
- Fazlur Rehman Faridi (Ed.). (1999). *Islamic research methodology: Some reflections*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- H. Abuddin Nata. (2008). *Metodologi Studi Islam*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- H. Syukriadi Sambas. (2003). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Hairudin Harun. (1992). *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Helder, Bodil. (2011). *Textual analysis: An approach to analysis professional texts*. Frederiksberg: Narayan Press.

- Ibrahim 'Abd al-Rahman Ibrahim. (1999). *Al-Madkhal Li al-Dirasat al-Fiqh al-Islamiy*. Jarsh: Dar al-Thaqafah.
- Irfan Ahmad Khan (Ed.). (1996). *Problems of Research in Islamic revealed: Revealed Knowledge (Islamic Studies)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamil Farooqui (Ed.). (1999). *Islamic perspective of methodology in Social phenomenal context*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Khalid Yahya Blankinship (Ed.). (1999). *The Need for an Islamic Theory and Methodology of History*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- Lindkvist, K. (1981). "Approaches to Textual Analysis", Bab 1 dalam K. E. Rosengren, (ed.), *Advances in Content Analysis*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Louay Safi (1996). *The Foundation Of Knowledge-A Comparative Study In Islamic and Methods Of Inquiry*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Mahmud Khalil al-Husari. (1999). *Ahkam Qira'at al-Qur'an al-Karim*. Makkah: Maktabah al-Makkiyyah.
- Manna' Khalil Qattan (1998). *Mabahith Fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Maktabah al-Risalah.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Rafiuddin (Ed.). (1996). *Problems of Research in Islamic revealed: Revealed Knowledge (Islamic Studies)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1995). *Metodologi Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Mohd Syahmi Mohd Miswan. (2014). *Dilalah dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Disertasi Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam) yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd Syahmir Alias. (2014). *Konsep Sainifik dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Analisis Pemikiran Ibn al-Haytham*. Disertasi Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam) yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Muhammad Khalid Mansur et al. (2002). *Al-Mazhar fi Syarh al-Shatibiyyah*. Amman: Dar 'Ammar.
- Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Al-Jazari. (1998). *Al-Nashr Fi al-Qira'at al-'Ashr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Muhammad 'Amziyan. (1991). *Manhaj al-Baith al-'Ijtima'iy baina al-Wad'iyyah wa al-Mi'yariyyah*. Virginia: al-Ma'had al-'Alami al-Fikr al-Islami.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. (2008). "Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju". *Pemikir*, Bil. 54, Oktober-Disember. hlm. 133-164. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 8.
- Muhammad Syukri Salleh. (2010). "Rethinking Wealth Management: An Islamic Preliminary View". *Workshop in Shariah Issues in Islamic Wealth Management*, Universiti Sains Islam Malaysia. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 15.
- Muhammad Syukri Salleh. (2011). "Ke Arah Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam", dlm. Zakaria Bahari, et al., (Ed.). *Pengurusan Ilmu, Ekonomi Dan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2012a). "Islamic Marketing: In Search Of Its Meaning". *Konferensi Internasional di Alam Melayu*, anjuran Program Pasca Sarjana UIN Sunan Gunung Djati Bandung dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia, di Gedung Merdeka Bandung, Indonesia. 20-22 November. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 20.
- Muhammdd Mumtaz Ali (Ed.) (2008). "Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research: A Few Milestones". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

- Mulla 'Ali al-Qari. (1948). *Al-Manh al-Fikriyyah Syarh al-Muqaddimah al-Jazariyyah*. Mesir: Maktabah al-Babi al-Halabi.
- Mustafa Hilmi. (2005) *Manahij al-Baith Fi al-'Ulum al-Insaniyyah*. Lubnan: *Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah*.
- Muzaffar Iqbal (2009). *The Making of Islamic Science*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Neuman, W. Lawrence. (2011). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*, 7th ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Nor Hanani Ismail. (2014). *Kaedah Naqad Al-Hadith Sebagai Kaedah Penentu Kesahan Data bagi Penyelidikan Berkaitan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
- Nur Ilani Mat Nawi. (2012). *Aplikasi Algebra dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Disertasi Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam) yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Reevany Bustami. Elecsya Nasruddin & Norman Blaikie. (2006). *Lima Falsafah Penyelidikan*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- S.M Yunus Gilani (Ed.). (1996). *Problems of research in Islamic Studies: Approaches and Sources*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Lashin Abu al-Farah dan Khalid Muhammad (2003). *Taqrib al-Ma'ani Fi Syarh Hurz al-Amani Fi al-Qira'at al-Sab'*. Madinah al-Munawwarah: Dar al-Zaman.
- Shahir Akram Hassan. (2010). *Kaedah Pengumpulan Hadith sebagai kaedah pengumpulan data*. Disertasi Sarjana Sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam) yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Shahir Akram Hassan. (2014). *Aplikasi Kaedah Penaakulan Mantik dalam Penyelidikan Berkaitan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Universiti Sains Malaysia.
- Stanley & Sedlack (1992). *Social Research: Theory and Methods*. Canada: Allyn and Bacon.
- Stebbins, R.A. (2001). *Exploratory research in the Social Science* (Sage University Paper series on qualitative research methods. bil. 48). Thousand Oaks: Sage..
- Sulaiman Hj Noordin. (1979). *Sains Barat Moden Dan Percanggahannya Dengan Islam*. Kajang: Nuur Publications.
- Sulaiman Hj Noordin. (1992). *Sains, Falsafah dan Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sutrisno Hadi (1991). *Methodology Research II*. Yogyakarta: Andi Offset.
- Syarifah Zaleha Syed Hasan, et. al. (2001). *Pengantar Sains Sosial*. Bangi, Selangor: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ticehurst, G.W dan Veal, A.J. (1999). *Bussiness Research Methods: A Managerial Approach*. Australia: Addison Wesley Longman.
- Tuckman, Bruce W. (1999). *Conducting Educational Research*. Fort Worth: Harcourt Berce College Publisher.
- Vall, Jon Obert. (2003). *Asia Tenggara Kosentrasi Baru Kebangkitan Islam*, terj: Moeflich Hasbullah. Jakarta: Fokus Media.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. (2014). *Aplikasi proses penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Weathington, L. Bart. Cunningham, Cristopher J.L., & Pittenger, David J., (2010). *Research Methods For The Behavioral And Social Sciences*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Yin, Robert K. (2009). *Case Study Research: Design and Methods*. USA: Sage.
- Zamaliah Mahmud. (2009). *Handbook of Research Methodology: A Simplified Version*. Shah Alam: UPENA Universiti Teknologi MARA.